

PM adakan libat urus bersama peneraju industri, perniagaan Itali

BERITA HARIAN

03 JUL 2025

m/d: 3

Rom (Itali): Datuk Seri Anwar Ibrahim memulakan hari kedua lawatan rasmi ke Itali semalam, dengan mengadakan sesi libat urus secara langsung bersama peneraju industri dan perniagaan utama negara itu.

Perdana Menteri berkata, pertemuan bersama dua syarikat gergasi pertahanan Itali, Fincantieri dan Leonardo yang menyertai Pameran Aeroangkasa dan Maritim Antarabangsa Langkawi (LIMA) 2025 tempoh hari, memperkukuh prospek kerjasama jangka panjang antara kedua-dua negara.

Pertemuan bersama Fincantieri dihadiri Ketua Pegawai Ek-

sekutifnya, Pierroberto Folgiero, manakala Leonardo diwakili Naib Presiden Kanan Pemasaran dan Kempen Strategik, Tomasso Pani.

“Saya tekankan pentingnya pendekatan antara kerajaan (G2G) bagi memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai hab utama penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) di rantau Asia Tenggara,” katanya.

Dalam sektor tenaga, Anwar turut mengadakan pertemuan dengan syarikat tenaga Itali, ENI, yang diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Claudio Descalzi, bersama Tan Sri Tengku Taufik selaku Presiden dan Ke-

tua Pegawai Eksekutif Kumpulan PETRONAS.

Ketika pertemuan itu, mereka membincangkan berkenaan kerjasama sedia ada, selain berusaha meneroka peluang pelaburan baharu yang boleh dimanfaatkan secara bersama.

“Saya memanfaatkan sesi ini untuk menegaskan bahawa Malaysia kekal sebagai destinasi pelaburan yang stabil, progresif dan diyakini,” katanya sambil menggesa agar segala komitmen yang telah dizahirkan, disusuli dengan tindakan konkrit agar pelaburan yang dirancang dapat direalisasikan dalam tempoh ditetapkan.